

2025: Mara ke hadapan atau...? Malaysia tidak perlu teragak-agak lagi

Oleh Tengku Zafrul

MALAYSIA telah melangkah jauh sejak Kerajaan MADANI mengambil alih tampuk kepimpinan pada Disember 2022.

Dari pelbagai Misi Pelaburan dan Perdagangan sepanjang 2023-2024 (banyak yang disantuni oleh Perdana Menteri kita sendiri), Malaysia berjaya menarik potensi pelaburan bernilai RM448 bilion, dan potensi eksport bernilai lebih RM65 bilion.

Pencapaian ini tidak berlaku secara kebetulan, bagi bulan jatuh ke riba.

Selinknya, ini merupakan keberhasilan dari kestabilan politik serta transformasi, kejelasan dan konsistensi dasar-dasar Kerajaan MADANI itu sendiri yang amat dihargai oleh para pelabur dan rakan dagang kita.

Untuk menyokong agenda pembaharuan negara, Kementerian Pelaburan, Perdagangan dan Industri (MITI) telah melancarkan dan melaksanakan dengan segera pelbagai projek transformasi industri di bawah Pelan Induk Perindustrian Baharu 2030 (NIMP 2030) pada tahun 2023, diikuti oleh dasar berasaskan sektor khusus seperti Strategi Semikonduktor Nasional (NSS) dan Strategi Pelaburan Hijau (GIS) pada 2024.

Dasar mesra perniagaan dan propertumbuhan ini telah memberikan panduan yang jelas kepada pelabur tentang keutamaan Malaysia dan peluang pengembangan masa hadapan.

Kejelasan tersebut, serta pelaksanaan dasar berdisiplin yang akhirnya akan menghasilkan pertumbuhan mampan yang diperlukan oleh Malaysia.

Jelas sekali tahun 2024

adalah titik tolak pemulihan ekonomi kita. Pertumbuhan KDNK dari Januari-September 2024 adalah 5.2% (ketimbang 3.8% untuk tahun 2023).

Ringgit semakin stabil dan merupakan salah satu mata wang berprestasi terbaik di Asia pada penghujung 2024.

Pengangguran terkawal pada 3.2%, manakala inflasi rata-rata berada di bawah 2% sepanjang tahun lepas.

Sementara itu, bagi tempoh Januari-September 2024, kita telah meluluskan RM254.7 bilion nilai pelaburan, peningkatan 10.7% tahun ke tahun.

Ini termasuk beberapa komitmen pelaburan dari-pada 2023. Sektor elektrik dan elektronik (E&E) Malaysia - yang menggaji 1.3 juta pekerja - menerima pelaburan RM37 bilion pada separuh pertama 2024. Kepentingan sektor ini kepada ekonomi kita dan rantaian bekalan global mendorong MITI untuk melancarkan NSS bagi memastikan pertumbuhannya yang mampan.

Malah, dasar perindustrian kita juga telah menarik ikon-ikon gergasi teknologi global seperti Amazon Web Services, Google, Microsoft, Infineon dan Oracle melabur atau mengembangkan pelaburan mereka di sini.

Perdagangan juga melonjak pada tahun 2024. Perdagangan pada Januari-November 2024 meningkat 8.7% kepada RM2.621 trilion tahun ke tahun, nilai dagangan tertinggi pernah direkodkan untuk tempoh itu, hasil daripada pemulihan permintaan luar dan kesan limpahan positif daripada kitaran teknologi global.

Sebagai sebuah negara perdagangan terbuka dalam landskap geopolitik yang



MANFAATKAN KEPENGERUSIAN ASEAN: Gambar fail menunjukkan Tengku Zafrul pada Mesyuarat Ketiga Penggal Ketiga, Parlimen Ke-15 Dewan Negara di Bangunan Parlimen pada 11 Disember 2024. Tengku Zafrul berkata, Malaysia perlu memanfaatkan perannya sebagai Pengerusi ASEAN 2025 kerana ini adalah peluang keemasan yang hanya muncul sekali dalam sedekad. — Gambar Bernama

tidak menentu, Malaysia juga mesti meneroka pasaran dan perkongsian baharu - seperti yang kita lakukan di Asia Tengah dan Amerika Latin pada 2024.

Teruskan Momentum

Jadi, bagaimana kita dapat mengekalkan momentum ini? 2025 adalah tahun yang mencabar, dengan ketegangan geopolitik AS-China (termasuk ketidaktentuan dasar Presiden Donald Trump), serta konflik di Timur Tengah dan negara-negara lain.

Kita tidak harus gentar, dan perlu memanfaatkan kekuatan kita. Selain kejelasan dasar dan wawasan, kita juga boleh memanfaatkan kedudukan strategik, sikap berkecuali geopolitik dan modal insan Malaysia yang kukuh.

Kita juga perlu memanfaatkan peranan Malaysia sebagai Pengerusi ASEAN 2025

kerana ini adalah peluang keemasan yang hanya muncul sekali dalam sedekad.

Perhatian sudah pasti akan tertumpu kepada Tonggak Ekonomi ASEAN yang diterajui oleh MITI di mana agendanya akan dimuktamadkan bersama beberapa kementerian utama lain.

Kita mesti memanfaatkan jawatan Pengerusi ASEAN untuk kelebihan ekonomi Malaysia.

Kebanyakan inisiatif transformasi industri kita saling berkait dan merentasi pelbagai kementerian utama, jadi kita perlukan kerjasama erat semua pihak untuk memajukan agenda seperti akses pembiayaan untuk daya tahan iklim dan peralihan yang adil, terutamanya untuk PKS mikro; dan Pelan Hala Tuju EV ASEAN.

Selain ASEAN, pembaharuan perindustrian MITI untuk mencapai pertumbuhan yang mampan akan tetap

diteruskan.

Sepertiyang digariskan oleh GIS, ini termasuk menarik pelaburan asing yang sangat diperlukan dalam teknologi hijau, dan dalam mengawal selia penggunaan kuasa, air dan karbon (PUE, WUE, CUE) untuk pelaburan pusat data yang ingin mengakses insentif cukai di bawah Skim Pecutan Ekosistem Digital (DESAC).

MITI mahu membuktikan bahawa kita boleh mencapai kedua-duanya - kemampuan dan pelaburan bernilai tinggi!

Tahun 2025 juga akan menyaksikan kemajuan yang lebih ketara untuk pelbagai projek berkaitan NIMP - seperti permulaan projek pemetaan rantaian bekalan industri (untuk lebih bersedia menghadapi krisis seperti COVID); membolehkan PKS memulakan laporan kemampuan mereka; serta memajukan inisiatif seperti

Taman Perindustrian Hijau Bersepadu Kerian (KIGIP) Perak dan Zon Ekonomi Khusus Johor-Singapura (JS-SEZ).

Pendekatan pelbagai pendorong Kerajaan MADANI mengutamakan pembaharuan industri untuk menarik lebih pelaburan dan perdagangan Malaysia.

Pendekatan ini, jika digandingkan dengan pembaharuan fiskal dan sektor buruh, tentunya bakal meningkatkan makroekonomi kita, dengan memacu pekerjaan, produktiviti serta peningkatan kehidupan untuk rakyat dan perniagaan kita.

Ringkasnya, MITI sedang gigih memacu pembaharuan industri, di samping menarik lebih banyak perdagangan dan pelaburan untuk meningkatkan ekonomi dan menaikkan taraf hidup rakyat Malaysia.

Pertumbuhan inklusif dan mampan

Semua usaha ini adalah penting dalam menghadapi pelbagai krisis global, yang telah memecah belahkan banyak negara yang kurang berdaya tahan.

Inilah sebabnya saya merasakan tema ASEAN 2025 Malaysia, 'Keterangkuman dan Kemampunan' adalah tepat.

Untuk mencapai matlamat ini, kita mesti memanfaatkan kekuatan semua rakyat kita, tidak kira warganegara, bangsa atau agama mereka, bukan sahaja di seluruh Malaysia, tetapi juga ASEAN. Pertumbuhan ekonomi yang bermakna mestilah inklusif dan mewujudkan lebih banyak peluang pekerjaan yang berkualiti untuk semua wilayah.

Ia mesti membolehkan akses yang adil kepada pel-

uang untuk PKS dan wanita, serta kestabilan politik untuk syarikat-syarikat korporat, tetapi dengan kejayaan yang dikongsi secara saksama dengan pekerja, dan bukan dengan mengorbankan alam sekitar.

Ini adalah visi Kerajaan MADANI, dan MITI sedang berusaha gigih untuk merealisasikannya.

Pelbagai inisiatif MITI - seperti membantu PKS mikro memulakan inisiatif kemampunan mereka; dan menyokong usahawan wanita melalui Wanita dalam Perda-

ngan dan Industri (WITI) mungkin belum begitu ketara hasilnya, tetapi inisiatif tersebut mewujudkan asas yang lebih kukuh untuk negara dalam jangka panjang.

Walaupun banyak yang telah dicapai, mengekalkan Malaysia pada trajektori reformasi dan pertumbuhan ini akan dapat memartabatkan negara kita secara mampan.

Lihat sahaja bagaimana Malaysia kembali kukuh dalam radar pelabur global, menajua tajuk berita antara-

bangsa yang positif dengan menarik pelaburan besar selepas hanya dua tahun usaha bersepadu.

Bayangkan apa yang boleh kita capai jika kita kekal fokus di landasan ini pada tahun-tahun akan datang.

Jika ada yang masih ragu-ragu, biarkan mereka! Keikhlasan dan usaha gigih kita akan diterjemahkan menerusi peningkatan perdagangan dan pelaburan.

Satu perkara yang saya pasti: MITI dan agensi-nya akan melakukan yang terbaik untuk menjadikan 2025 sebagai tahun di mana Malaysia bersinar terang sebagai pemain utama dalam orde baru dunia.

Ayuh kita jadikan 2025 tahun yang lebih produktif untuk semua rakyat Malaysia!

Pejabat baharu MDLBS kini mula dibina

Projek bakal tingkat perkhidmatan kepada penduduk luar bandar dan pinggir bandar

Oleh Andy Sabang

SIBU: Pembinaan pejabat baharu Majlis Daerah Luar Bandar Sibu (MDLBS) kini bermula, dengan kerja-kerja fasa pertama dijadualkan bermula semalam.

Pengerusi MDLBS Sempurai Petrus Ngelai berkata, projek itu dibiayai oleh kerajaan negeri di bawah Rancangan Malaysia Ke-12

kepada penduduk," jelas Sempurai.

Menurutnya, lokasi strategik di Sibu Jaya juga dijangka memberi peluang untuk mempercepatkan pembangunan kawasan tersebut.

"Sejak mengambil alih jawatan Pengerusi MDLBS pada tahun 2016, saya telah menyuarakan hasrat kami untuk memiliki pejabat sendiri yang lebih dekat dengan



BERMULA: Sempurai (empat kanan) menyerahkan dokumen tapak projek kepada Pengarah Syarikat Litomida Sdn Bhd Alex Hu Khe Kong, kontraktor yang bertanggungjawab membina pejabat baharu MDLBS.



GAH: Lakaran bangunan MDLBS yang baharu apabila siap kelak.

Kerja-kerja ini dijangka selesai tahun ini.

Fasa kedua yang melibatkan pembinaan bangunan, landskap serta kerja-kerja mekanikal dan kejuruteraan, akan dibiayai dengan dana tambahan sebanyak RM40 juta di bawah Rancangan Malaysia Ke-13.

Sempurai berharap pejabat

baharu ini bukan sahaja akan memperbaiki perkhidmatan MDLBS, malah menjadi pemangkin kepada pembangunan Sibu Jaya.

"Dalam masa kurang daripada 10 tahun, kawasan ini dijangka akan mengalami pembangunan pesat dan menjadi pusat pentadbiran yang

penting," tambah beliau.

Selain itu, beliau turut berkongsi mengenai projek impian lain yang sedang dirancang, iaitu pembinaan kolam renang bersaiz Olimpik di Sibu Jaya.

"Kolam renang ini dijangka akan menjadi kemudahan rekreasi tambahan yang melengkapi kemudahan sedia ada seperti Stadium Azman Hashim, sekali gus memberi peluang kepada masyarakat untuk menjalani gaya hidup yang lebih sihat dan aktif," katanya.

Dengan sokongan penuh daripada kerajaan negeri dan komitmen pihak berkuasa tempatan, Sempurai yakin projek itu akan meningkatkan kualiti perkhidmatan kepada rakyat serta membentuk asas yang kukuh untuk pembangunan masa depan Sibu dan Sibu Jaya.



AKRAB: Ang (barisan belakang tiga kiri) bergambar bersama ahli jawatankuasa JKK Kampung Cina dan PAWE Limbang selepas Pertandingan Memasak dan Santai Karaoke semalam.

PAWE Limbang sasar 200 ahli berdaftar tahun ini

LIMBANG: Pusat Aktiviti Warga Emas (PAWE) Limbang menyasarkan untuk menarik kira-kira 200 warga emas untuk menjadi ahli berdaftar di pusat itu tahun ini.

Timbalan Pengerusi PAWE Limbang Penghulu Ang Chiew Kiam berkata, PAWE Limbang pada masa ini mempunyai seramai 100 ahli.

Jelasnya, pihaknya terus proaktif dalam mengadakan pelbagai program untuk menarik lebih ramai warga emas.

"Banyak kelebihan yang disediakan kepada ahli PAWE khususnya dalam pelaksanaan program dan sumbangan dan bantuan

kepada ahli yang memerlukan ketika menyambut perayaan-perayaan utama," katanya kepada media selepas Pertandingan Memasak dan Santai Karaoke di PAWE Limbang semalam.

Program itu anjuran Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung (JKKK) Cina dengan kerjasama PAWE Limbang dan Kawasan Rukun Tetangga (KRT) Pakan Limbang.

Turut hadir ialah Timbalan Pengerusi JKK Kampung Cina Tey Kim Hua.

Katanya, program itu mampu merapatkan hubungan dan kerjasama dalam kalangan ahli tanpa mengira latar belakang bangsa dan agama.



KUCHING: Ratusan penduduk Sri Aman mengunjungi Pusat Servis Sarawak

MANFAAT BANTUAN: Pusat Servis Sarawak Cawangan Sri Aman menjaditumpuan masyarakat semalam. — Gambar UKAS

(SSC) Cawangan Sri Aman semalam susulan pelancaran pendaftaran Sumbangan Keperluan Asas Sarawak (SKAS) pada awal tahun ini.

Memetik laporan Unit Komunikasi Asas Sarawak (UKAS), SSC Sri Aman telah

menerima sebanyak 230 pengunjungan antara jam 8 pagi dan 9.15 pagi semalam.

Rata-rata mereka ingin mendaftar dan mengemaskini aplikasi Sarawak Pay Global (SPay Global) bagi tujuan penyaluran SKAS.

Seorang pengunjung,

Ricky Sumpit dari Kampung Sebelman, Pantu menzahirkan penghargaan kepada Kerajaan Sarawak atas inisiatif ini.

"Bantuan ini dapat membantu kami sekeluarga terutamanya dalam menghadapi kenaikan kos sara hidup pada

kini," jelasnya.

Difahamkan, SSC Sri Aman turut mengambil inisiatif menambah jumlah petugas bagi memastikan urusan berjalan lancar, namun bilangan yang terlalu ramai menyebabkan sesetengah pengunjung terpaksa menunggu lama.